



جابتن قرهوتن نكري فيرق
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU RAYA,
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-528 8100
: 05-528 8071
: 05-528 8072
: 05-528 8073
: 05-528 8075
Faks : 05-528 8101
Laman Web : www.perakforestry.gov.my



Ruj. Tuan : PPN.PK.100/03/64 Jld. 22 (49)
Ruj. Kami : 6 Ramadhan 1446
Tarikh : 7 Mac 2025

SENARAI EDARAN SEPERTIMANA PADA LAMPIRAN 1

Tuan/Puan,

EDARAN PEKELILING PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK BILANGAN 3 TAHUN 2025: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL DALAM SEKTOR PENGUSAHASILAN DI HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) BAGI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah komited terhadap pematuhan kehendak MC&I (Sustainable Forest Management-SFM) ke arah pencapaian matlamat pengurusan hutan secara berkekalan. Sehubungan dengan itu, bagi memenuhi petunjuk di bawah MC&I SFM ini, maka pekeliling sepertimana di atas telah disediakan dan perlu digunapakai sepertimana tarikh yang berkuatkuasa.

3. Oleh yang demikian, bersama-sama ini diedarkan sesalinan pekeliling tersebut untuk tuan/puan mengambil tindakan hebahan kepada kakitangan di bawah seliaan dan melaksanakan keperluannya dengan kadar segera.

Segala perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amat dialu-alukan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' MOHD BASRI BIN ABDUL MANAF)

Pengarah Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan

"PERAK SEJAHTERA 2030"



**EDARAN PEKELILING PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK BILANGAN 3
TAHUN 2025: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL
DALAM SEKTOR PENGUSAHASILAN DI HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) BAGI
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

SENARAI EDARAN:

Timbalan Pengarah Operasi

Timbalan Pengarah Pembangunan

Ketua Penolong Pengarah:

Khidmat Pengurusan & Sumber Manusia, Perancangan & Pengurusan Hutan,
Silvikultur & Kepelbagaian Biologi, Operasi & Penguatkuasaan

Penolong Pengarah:

Penguatkuasaan (Siasatan), Perindustrian & Pengusahasilan,
Hutan Bukan Kayu & Latihan, Ladang Hutan & Inovasi,
Hutan Lipur & Eko-Pelancongan

Pegawai Undang-Undang

Pegawai Hutan Daerah:

Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta/Manjung, Larut & Matang, Perak Selatan

Penolong Jurutera Kanan

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat



**PEKELILING PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK
BILANGAN 3 TAHUN 2025**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL DALAM
SEKTOR PENGUSAHASILAN DI HUTAN SIMPANAN KEKAL BAGI
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial dalam Sektor Pengusahasilan di Hutan Simpanan Kekal (HSK) bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak ini disediakan untuk memberi panduan dan membantu pengurus hutan dalam melaksanakan penilaian impak sosial bagi sektor pengusahasilan hutan bagi memenuhi keperluan Petunjuk 4.4.1, Petunjuk 8.1.1 dan Petunjuk 8.1.2 standard Kriteria dan Petunjuk Malaysia bagi Pensijilan Pengurusan Hutan Mampan (MC&I SFM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penilaian Impak Sosial (SIA) merupakan suatu penilaian bersistematik terhadap impak ke atas kualiti hidup harian masyarakat setempat apabila persekitaran mereka terkesan oleh pembangunan atau perubahan dasar yang berlaku.
- 2.2 Penilaian Impak Sosial (SIA) boleh didefinisikan sebagai satu proses bagi menganalisis, memantau dan mengurus impak sosial yang dijangka atau tidak terjangka berlaku sama ada impak positif atau negatif, ke atas sesuatu langkah intervensi (dasar, program, pelan dan projek) dan apa-apa proses perubahan sosial yang terhasil daripada langkah intervensi tersebut (*The International Principles for Social Impact Assessment, 2015*).
- 2.3 Standard Kriteria dan Petunjuk Malaysia bagi Pensijilan Pengurusan Hutan Mampan (MC&I SFM) menetapkan pemantauan hendaklah dijalankan bersesuaian dengan skala dan intensiti pengurusan hutan untuk menilai keadaan hutan dalam FMU yang melaksanakan

pengeluaran produk-produk hutan dan rantai serta aktiviti pengurusan hutan.

- 2.4 Kriteria 4.4 menetapkan perancangan pengurusan dan operasi-operasi hendaklah memasukkan keputusan penilaian impak sosial. Konsultasi-konsultasi hendaklah dikekalkan dengan pihak yang terjejas secara langsung oleh operasi-operasi pengurusan.
- 2.5 Petunjuk 4.4.1 pula menjelaskan bahawa pengurus hutan hendaklah menilai, melalui konsultasi, impak sosial ke atas operasi-operasi hutan yang secara langsung menjejaskan kepada masyarakat, dan pihak yang terjejas secara langsung daripada operasi-operasi hutan hendaklah diberi akses kepada maklumat mengenai hasil-hasil penilaian impak sosial.
- 2.6 Kriteria 8.1 menetapkan bahawa kekerapan dan intensiti pemantauan hendaklah ditetapkan berdasarkan kepada skala dan intensiti operasi-operasi pengurusan hutan serta tahap kompleks dan kerapuhan alam sekitar yang terlibat. Prosedur-prosedur pemantauan hendaklah konsisten dan boleh diulangi sepanjang masa untuk membolehkan perbandingan ke atas keputusan-keputusan dan penilaian terhadap perubahan yang berlaku.
- 2.7 Petunjuk 8.1.1 pula menjelaskan bahawa pengurus hutan hendaklah mematuhi prosedur-prosedur pemantauan mengikut garis panduan persekutuan dan negeri yang berkaitan daripada Jabatan Perhutanan dan agensi-agensi lain yang berkaitan.
- 2.8 Manakala, Petunjuk 8.1.2 pula menyatakan bahawa pengurus hutan hendaklah mengenal pasti dan melaksanakan prosedur pemantauan yang sesuai, mengikut skala dan intensiti operasi-operasi pengurusan hutan untuk menilai kesan-kesan terhadap sosial, ekologi, alam sekitar dan ekonomi.

3.0 SKOP

- 3.1 Garis panduan ini menggariskan kaedah pelaksanaan penilaian impak sosial dan kaedah penggunaan Borang Soal Selidik Impak Sosial dalam Sektor Pengusahaan di Hutan Simpanan Kekal (HSK) bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak untuk diguna pakai oleh semua pegawai dan kakitangan bagi mendapatkan maklumat penilaian impak sosial dalam sektor pengusahaan hutan dalam HSK.

- 3.2 Sektor pengusahaan yang dimaksudkan dalam garis panduan ini hanya merujuk kepada aktiviti pengusahaan hutan yang dilaksanakan di dalam HSK di bawah standard MC&I SFM.
- 3.3 Garis panduan ini juga boleh digunakan bagi tujuan pengawalseliaan sendiri bagi kawasan pengusahaan hutan yang telah diluluskan, dilesenkan yang memerlukan pengurusan isu-isu sosial.

4.0 OBJEKTIF

- 4.1 Objektif garis panduan ini adalah seperti berikut:
 - i. Menyeragamkan penggunaan Borang Soal Selidik Impak Sosial dalam Sektor Pengusahaan di Hutan Simpanan Kekal bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang menjalankan aktiviti pengusahaan hutan di bawah standard MC&I SFM;
 - ii. Memberi panduan bagi pelaksanaan penilaian impak sosial serta merancang cadangan mitigasi terhadap impak sosial akibat pelaksanaan aktiviti pengusahaan hutan; dan
 - iii. Memenuhi keperluan petunjuk seperti dalam standard MC&I SFM di bawah Petunjuk 4.4.1, Petunjuk 8.1.1 dan Petunjuk 8.1.2.

5.0 KAEDAH PENGGUNAAN BORANG PENILAIAN

5.1 Borang Penilaian

Pelaksanaan penilaian impak sosial dalam sektor pengusahaan adalah-menggunakan borang bancian seperti pada Lampiran 1, 2 dan 3 yang meliputi lima (5) bahagian iaitu:

- i. Bahagian A:
Bahagian ini mengandungi maklumat kawasan kerja pengusahaan hutan seperti Nama HSK, Nombor Kompartmen, Nombor Lesen dan Pelesen (jika berkaitan) serta lokasi yang berhampiran dengan kawasan pengusahaan hutan;
- ii. Bahagian B:
Bahagian ini mengandungi maklumat demografi responden yang meliputi nama, nombor telefon, status, jantina, taraf perkahwinan, umur, bangsa, agama, pendidikan, pekerjaan dan pendapatan;

- iii. Bahagian C:
Bahagian ini mengandungi butiran impak yang meliputi aspek Sosial, Ekonomi, Infrastruktur dan Kesihatan;
- iv. Bahagian D:
Bahagian ini mengandungi butiran impak terhadap aspek alam sekitar yang meliputi aspek Kestabilan Alam Sekitar dan Kepelbagaian Flora dan Fauna; dan
- v. Bahagian E:
Bahagian ini mengandungi lain-lain maklumat yang berkaitan.

5.2 **Borang Soal Selidik Impak Sosial (SSIS)** dalam Sektor Pengusahasilan di Hutan Simpanan Kekal bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah seperti pada Lampiran 1, 2 dan 3.

5.3 **Penilaian Impak Sosial**

5.3.1 Penilaian impak sosial ini dilaksanakan pada masyarakat setempat yang tinggal dalam radius ± 5 kilometer sahaja dari kawasan pengusahasilan yang mungkin terkesan/ menerima impak daripada pelaksanaan operasi pengusahasilan hutan berkenaan.

5.3.2 Pegawai Renj Hutan (PRH) adalah pegawai jabatan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan penilaian impak sosial ke atas masyarakat setempat yang tinggal berhampiran dengan kawasan pengusahasilan hutan.

5.4 **Fasa Penilaian Impak Sosial**

Penilaian impak sosial ini hendaklah dilaksanakan pada tiga (3) fasa iaitu:

- i. **Sebelum Pengusahasilan**
Dilaksanakan sebelum atau semasa pelaksanaan kerja-kerja penandaan sempadan kawasan kerja;
- ii. **Semasa Pengusahasilan**
Dilaksanakan semasa aktiviti pengusahasilan hutan telah mencapai 30% hingga 50% kemajuan kerja berdasarkan kepada laporan kemajuan bulanan pengusahasilan kawasan kerja; dan

iii. **Selepas Pengusahaan**

Dilaksanakan sebulan (30 hari) dari tarikh wakil pelesen/ kontraktor pelesen mengeluarkan/ memindahkan semua pekerja hutan, jentera dan kayu bulat dari kawasan pengusahaan atau semasa penyediaan Laporan Penutup Akhir (LPA) bagi kawasan pengusahaan terlibat (mana yang terdahulu).

5.5 Bilangan Responden

5.5.1 Borang SSIS ini hendaklah dilengkapi dengan mendapatkan jumlah responden yang tidak kurang 10% jumlah bilangan Ketua Isi Rumah atau pasangan mereka, atau sekurang-kurangnya lima (5) Ketua Isi Rumah atau pasangan mereka (mana yang lebih) berdasarkan pensampelan rawak.

5.5.2 Responden utama adalah ketua komuniti/ kampung setempat atau pembantunya (Penolong Ketua).

5.6 Penyediaan Ulasan

Pegawai Hutan Daerah/Jajahan (PHD) hendaklah meneliti maklumat bancian dalam borang SSIS dan menyediakan ulasan serta cadangan langkah mitigasi berdasarkan dapatan kajian. Sekiranya analisis Bancian Impak Sosial (Sebelum) menunjukkan 50% hingga 60% responden tidak bersetuju, PHD perlu mengemukakan satu kertas pemakluman kepada Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) untuk mendapatkan arahan tindakan seterusnya. Bagi Bancian Impak Sosial (semasa), jika 60% hingga 70% responden tidak bersetuju, satu laporan perlu disediakan PHD kepada PPN bersama cadangan tindakan yang sesuai.

5.7 Penyimpanan Rekod

Borang SSIS yang telah dianalisa hendaklah disenggara dan disimpan mengikut kawasan Renj Hutan dan Daerah Hutan di Pejabat Hutan Daerah dan Jabatan Perhutanan Negeri untuk tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

6.0 RUJUKAN

- 6.1 Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 3 Tahun 2025: Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak

Sosial dalam Sektor Pengusahaan di Hutan Simpanan Kekal (HSK) bagi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

7.0 PEMAKAIAN

- 7.1 Garis panduan ini adalah terpakai di peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

8.0 PENUTUP

- 8.1 Garis Panduan ini akan membantu pengurus hutan dan Jabatan Perhutanan Negeri dalam melaksanakan banciaan impak sosial dalam sektor pengusahaan hutan terhadap masyarakat setempat dengan menggunakan borang SSIS yang diseragamkan dan merancang cadangan mitigasi terhadap aktiviti pengusahaan hutan yang dilaksanakan di dalam HSK di bawah standard MC&I SFM.

9.0 TARIKH KUAT KUASA

- 9.1 Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial dalam Sektor Pengusahaan Di Hutan Simpanan Kekal bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak ini berkuat kuasa dari tarikh Pekeliling ini ditandatangani.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD BASRI BIN ABDUL MANAF)

Pengarah Perhutanan Negeri

Perak Darul Ridzuan

Bertarikh : 7 MAC 2025

Lampiran 1

**BORANG BANCIAN IMPAK SOSIAL
SEKTOR PENGUSAHASILAN DI HUTAN SIMPANAN KEKAL BAGI
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
(SEBELUM)**

A. BUTIRAN KAWASAN KELULUSAN PENGUSAHASILAN HUTAN:

(Diisi oleh Penemuduga)

1. Hutan Simpanan Kekal :
2. No. Kompartmen :
3. Lokasi/ Kampung Setempat :

B. DEMOGRAFI RESPONDEN:

(Sila isi/ tanda ✓ yang berkaitan)

4. Nama:	5. No. Telefon:
6. Status: Ketua Isi Rumah / Pasangan / Anak /Lain-lain (nyatakan):	
7. Jantina: a. Lelaki ☐ b. Perempuan ☐	8. Taraf Perkahwinan: a. Bujang ☐ b. Berkahwin ☐ c. Lain-lain ☐
9. Umur:	
10. Etnik : a. Melayu ☐ b. Cina ☐ c. India ☐ d. Orang Asli ☐ e. Lain-lain (Nyatakan) ☐	11. Agama: a. Islam ☐ b. Buddha ☐ c. Hindu ☐ d. Kristian ☐ e. Lain-lain (Nyatakan) ☐
12. Pendidikan: a. Tidak bersekolah ☐ b. Sekolah Rendah ☐ c. Menengah ☐ d. Kolej ☐ e. Institut ☐ f. Universiti ☐ g. Lain-lain ☐	
13. Pekerjaan: a. Tidak bekerja ☐ b. Bekerja (sendiri/ kerajaan/ swasta) ☐	14. Anggaran Pendapatan/bulan: Jumlah: RM.....

C. IMPAK TERHADAP ASPEK SOSIAL EKONOMI:

PERKARA	SEBELUM	
	Ya	Tidak
15. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan menimbulkan sebarang pertelingkahan, perbalahan atau konflik di kalangan penduduk setempat? Sila nyatakan puncanya (sekiranya ada):		
16. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan menimbulkan konflik antara penduduk dengan pelesen/ kontraktor pengusahaan hutan? Sila nyatakan puncanya (sekiranya ada):		
17. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan menimbulkan gejala sosial dan jenayah seperti kecurian, perjudian, ketagihan alkohol, penagihan dadah dan pelacuran?		
18. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan mengganggu sumber ekonomi penduduk setempat?		
19. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan menjejaskan kebergantungan penduduk setempat terhadap hasil hutan?		
20. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan meningkatkan ekonomi penduduk setempat seperti berikut:		
20.1 Peluang pekerjaan		
20.2 Pendapatan melalui sewa rumah/ kedai		
20.3 Pendapatan melalui kedai runcit/ kedai makan		
20.4 Pembinaan jalan hutan (contoh: hasil pertanian lebih mudah dikeluarkan)		
20.5 Lain-lain faedah (sila nyatakan):		
21. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan menimbulkan kesan buruk kepada sumber makanan atau sumber-sumber lain yang digunakan sebagai asas mata pencarian		

PERKARA	SEBELUM	
	Ya	Tidak
penduduk setempat?		
22. Adakah pembukaan kawasan pengusahaan hutan ini akan menggalakkan pembinaan infrastruktur seperti rumah dan kedai di kawasan ini?		
23. Adakah pembinaan jalan hutan oleh pihak pelesen/ kontraktor pengusahaan hutan ini akan memberi kemudahan kepada penduduk setempat dalam urusan harian?		
24. Adakah penggunaan sumber bekalan air bersih diperolehi dari punca air daripada hutan yang akan diusahail?		
25. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan memberi kesan pencemaran bekalan air bersih?		
26. Adakah pembukaan kawasan pengusahaan hutan ini akan menjejaskan kesihatan penduduk setempat?		
27. Adakah wabak penyakit seperti malaria, denggi, kencing tikus atau COVID-19 pernah berlaku di kawasan ini?		

D. IMPAK TERHADAP ASPEK ALAM SEKITAR:

PERKARA	SEBELUM	
	Ya	Tidak
28. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan meningkatkan risiko kebakaran hutan?		
29. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan meningkatkan risiko hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur?		
30. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan menyebabkan pencemaran alam sekitar seperti sampah domestik, sisa pepejal dan lain-lain?		
31. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan memberi kesan terhadap isu konflik antara manusia dan hidupan liar di kawasan setempat?		
Sila nyatakan (sekiranya ada):		

No. Borang	
------------	--

PERKARA	SEBELUM	
	Ya	Tidak
<i>Contoh: Serangan gajah, kera, beruk, lotong, babi hutan, harimau dan lain-lain di kawasan penempatan dan kebun penduduk setempat.</i>		
32. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini akan mengakibatkan kepupusan tumbuhan hutan dan hidupan liar di kawasan ini?		

E. LAIN-LAIN MAKLUMAT:

PERKARA	SEBELUM	
	Ya	Tidak
33. Adakah tuan/ puan bersetuju kawasan ini diusahail?		
a. Sekiranya bersetuju, nyatakan alasan		
b. Sekiranya tidak bersetuju, nyatakan alasan		
34. Sekiranya ada maklumat lain, sila nyatakan:		

Responden yang ditemubual:

Nama :
 No. Tel. :
 Tarikh :

Tandatangan :

No. Borang	
------------	--

ULASAN PEGAWAI PENEMUDUGA

.....

.....

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

ULASAN PEGAWAI HUTAN DAERAH:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Nama :

Tarikh :

Tandatangan :

Lampiran 2

**BORANG BANCIAN IMPAK SOSIAL
SEKTOR PENGUSAHASILAN DI HUTAN SIMPANAN KEKAL BAGI
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
(SEMASA)**

A. BUTIRAN KAWASAN KERJA PENGUSAHASILAN HUTAN:

(Diisi oleh Penemuduga)

1. Hutan Simpanan Kekal :
2. No. Kompartmen :
3. No. Lesen :
4. Pelesen :
5. Lokasi/ Kampung Setempat :

B. DEMOGRAFI RESPONDEN:

(Sila isi/ tanda ✓ yang berkaitan)

6. Nama:	7. No. Telefon:
8. Status: Ketua Isi Rumah / Pasangan / Anak /Lain-lain (nyatakan):	
9. Jantina: a. Lelaki b. Perempuan	10. Taraf Perkahwinan: a. Bujang b. Berkahwin c. Lain-lain
11. Umur:	
12. Etnik : a. Melayu b. Cina c. India d. Orang Asli e. Lain-lain (Nyatakan)	13. Agama: a. Islam b. Buddha c. Hindu d. Kristian e. Lain-lain (Nyatakan)
14. Pendidikan: a. Tidak bersekolah b. Sekolah Rendah c. Menengah d. Kolej e. Institut f. Universiti g. Lain-lain	

15. Pekerjaan: a. Tidak bekerja b. Bekerja (sendiri/ kerajaan/ swasta)	16. Anggaran Pendapatan/bulan: Jumlah: RM.....
---	---

C. IMPAK TERHADAP ASPEK SOSIAL EKONOMI:

PERKARA	SEMASA	
	Ya	Tidak
17. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini menimbulkan sebarang pertelingkahan, perbalahan atau konflik di kalangan penduduk setempat? Sila nyatakan puncanya (sekiranya ada):		
18. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini menimbulkan konflik antara penduduk dengan pelesen/ kontraktor pengusahaan hutan? Sila nyatakan puncanya (sekiranya ada):		
19. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini menimbulkan gejala sosial dan jenayah seperti kecurian, perjudian, ketagihan alkohol, penagihan dadah dan pelacuran?		
20. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini mengganggu sumber ekonomi penduduk setempat?		
21. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini menjejaskan kebergantungan penduduk setempat terhadap hasil hutan?		
22. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini meningkatkan ekonomi penduduk setempat seperti berikut:		
22.1 Peluang pekerjaan		
22.2 Pendapatan melalui sewa rumah/ kedai		
22.3 Pendapatan melalui kedai runcit/ kedai makan		
22.4 Pembinaan jalan hutan (contoh: hasil pertanian lebih mudah dikeluarkan)		
22.5 Lain-lain faedah (sila nyatakan):		

PERKARA	SEMASA	
	Ya	Tidak
23. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini menimbulkan kesan buruk kepada sumber makanan atau sumber-sumber lain yang digunakan sebagai asas mata pencarian penduduk setempat?		
24. Adakah pembukaan kawasan pengusahaan hutan ini menggalakkan pembinaan infrastruktur seperti rumah dan kedai di kawasan ini?		
25. Adakah pembinaan jalan hutan oleh pihak pelesen/ kontraktor pengusahaan hutan ini memberi kemudahan kepada penduduk setempat dalam urusan harian?		
26. Adakah penggunaan sumber bekalan air bersih diperolehi dari punca air daripada hutan yang diusahakan?		
27. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini memberi kesan pencemaran bekalan air bersih?		
28. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini menjejaskan kesihatan penduduk setempat? Sila nyatakan puncanya (jika ada)		
29. Adakah wabak penyakit seperti malaria, denggi, kencing tikus atau COVID-19 berlaku di kawasan ini?		

D. IMPAK TERHADAP ASPEK ALAM SEKITAR:

PERKARA	SEMASA	
	Ya	Tidak
30. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini meningkatkan risiko kebakaran hutan?		
31. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini meningkatkan risiko hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur?		
32. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini menyebabkan pencemaran alam sekitar seperti sampah domestik, sisa pepejal dan lain-lain?		

PERKARA	SEMASA	
	Ya	Tidak
33. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini memberi kesan terhadap isu konflik antara manusia dan hidupan liar di kawasan setempat? Sila nyatakan (sekiranya ada): <i>Contoh: Serangan gajah, kera, beruk, lotong, babi hutan, harimau dan lain-lain di kawasan penempatan dan kebun penduduk setempat.</i>		
34. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini mengakibatkan kepupusan tumbuhan hutan dan hidupan liar di kawasan ini?		

E. LAIN-LAIN MAKLUMAT:

PERKARA	SEMASA	
	Ya	Tidak
35. Adakah tuan/ puan bersetuju aktiviti pengusahaan hutan ini diteruskan? c. Sekiranya bersetuju, nyatakan alasan d. Sekiranya tidak bersetuju, nyatakan alasan 		

Responden yang ditemubual:

Nama :

No. Tel. :

Tarikh :

Tandatangan :

No. Borang	
------------	--

ULASAN PEGAWAI PENEMUDUGA

.....

.....

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

ULASAN PEGAWAI HUTAN DAERAH:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Nama :

Tarikh :

Tandatangan :

Lampiran 3

**BORANG BANCIAN IMPAK SOSIAL
SEKTOR PENGUSAHASILAN DI HUTAN SIMPANAN KEKAL BAGI
JABATN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

(SELEPAS)

A. BUTIRAN KAWASAN KERJA PENGUSAHASILAN HUTAN:

(Diisi oleh Penemuduga)

1. Hutan Simpanan Kekal :
2. No. Kompartmen :
3. No. Lesen :
4. Pelesen :
5. Lokasi/ Kampung Setempat :

B. DEMOGRAFI RESPONDEN:

(Sila isi/ tanda √ yang berkaitan)

6. Nama:	7. No. Telefon:
8. Status: Ketua Isi Rumah / Pasangan / Anak /Lain-lain (nyatakan):	
9. Jantina: a. Lelaki ☐ b. Perempuan ☐	10. Taraf Perkahwinan: d. Bujang ☐ e. Berkahwin ☐ f. Lain-lain ☐
11. Umur:	
12. Etnik : f. Melayu ☐ g. Cina ☐ h. India ☐ i. Orang Asli ☐ j. Lain-lain (Nyatakan) ☐	13. Agama: f. Islam ☐ g. Buddha ☐ h. Hindu ☐ i. Kristian ☐ j. Lain-lain (Nyatakan) ☐
14. Pendidikan: h. Tidak bersekolah ☐ i. Sekolah Rendah ☐ j. Menengah ☐ k. Kolej ☐ l. Institut ☐ m. Universiti ☐ n. Lain-lain ☐	

15. Pekerjaan: e. Tidak bekerja f. Bekerja (sendiri/ kerajaan/ swasta)	16. Anggaran Pendapatan/bulan: Jumlah: RM.....
---	---

C. IMPAK TERHADAP ASPEK SOSIAL EKONOMI:

PERKARA	SELEPAS	
	Ya	Tidak
17. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah menimbulkan sebarang pertelingkahan, perbalahan atau konflik di kalangan penduduk setempat? Sila nyatakan puncanya (sekiranya ada):		
18. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah menimbulkan konflik antara penduduk dengan pelesen/ kontraktor pengusahaan hutan? Sila nyatakan puncanya (sekiranya ada):		
19. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah menimbulkan gejala sosial dan jenayah seperti kecurian, perjudian, ketagihan alkohol, penagihan dadah dan pelacuran?		
20. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah mengganggu sumber ekonomi penduduk setempat?		
21. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah menjejaskan kebergantungan penduduk setempat terhadap hasil hutan?		
22. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah meningkatkan ekonomi penduduk setempat seperti berikut:		
22.1 Peluang pekerjaan		
22.2 Pendapatan melalui sewa rumah/ kedai		
22.3 Pendapatan melalui kedai runcit/ kedai makan		
22.4 Pembinaan jalan hutan (contoh: hasil pertanian lebih mudah dikeluarkan)		

PERKARA	SELEPAS	
	Ya	Tidak
22.5 Lain-lain faedah (sila nyatakan):		
23. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah menimbulkan kesan buruk kepada sumber makanan atau sumber-sumber lain yang digunakan sebagai asas mata pencarian penduduk setempat?		
24. Adakah pembukaan kawasan pengusahaan hutan ini telah menggalakkan pembinaan infrastruktur seperti rumah dan kedai di kawasan ini?		
25. Adakah pembinaan jalan hutan oleh pihak pelesen/ kontraktor pengusahaan hutan ini telah memberi kemudahan kepada penduduk dalam urusan harian?		
26. Adakah penggunaan sumber bekalan air bersih masih diperolehi dari punca air di dalam hutan yang diusahailah?		
27. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah memberi kesan pencemaran bekalan air bersih?		
28. Adakah aktiviti pengusahaan ini telah menjejaskan kesihatan penduduk setempat?		
29. Adakah wabak penyakit seperti malaria, denggi, kencing tikus atau COVID-19 telah berlaku di kawasan ini?		

D. IMPAK TERHADAP ASPEK ALAM SEKITAR:

PERKARA	SELEPAS	
	Ya	Tidak
30. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah menyebabkan berlakunya kebakaran hutan?		
31. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah menyebabkan berlakunya hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur?		
32. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah menyebabkan pencemaran alam sekitar seperti sampah domestik, sisa pepejal dan lain-lain?		
33. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah memberi kesan terhadap isu konflik antara		

PERKARA	SELEPAS	
	Ya	Tidak
manusia dan hidupan liar di kawasan setempat? Sila nyatakan (sekiranya ada): <i>Contoh: Serangan gajah, kera, beruk, lotong, babi hutan, harimau dan lain-lain di kawasan penempatan dan kebun penduduk setempat.</i>		
34. Adakah aktiviti pengusahaan hutan ini telah mengakibatkan kepupusan tumbuhan hutan dan hidupan liar di kawasan ini?		

E. LAIN-LAIN MAKLUMAT:

PERKARA	SELEPAS	
	Ya	Tidak
35. Sekiranya ada maklumat lain, sila nyatakan: 		

Responden yang ditemubual:

Nama :

No. Tel. :

Tarikh :

Tandatangan :

No. Borang	
------------	--

ULASAN PEGAWAI PENEMUDUGA

.....

.....

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

ULASAN PEGAWAI HUTAN DAERAH:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Nama :

Tarikh :

Tandatangan :